

MENYEWAKAN DINDING MASJID YANG TELAH DIWAKAFKAN BAGI PENGIKLANAN KOMERSIAL

RENTAL OF THE MOSQUE'S ENDOWED WALL FOR COMMERCIAL ADVERTISING

Sharifah Nadirah Nasibah bte Ahmad Al Jafari

Calon Doktor Falsafah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,
md_adib1@hotmail.com

Abstrak:

Iklan memiliki kuasa yang sangat besar dalam menentukan kejayaan sesebuah syarikat. Pengiklanan yang efektif dapat menarik pengguna kepada sesebuah produk. Iklan yang baik adalah iklan yang dapat diakses oleh kebanyakkan masyarakat dan dilihat dengan mudah. Di samping penggunaan teknologi dan media dalam mencapai pengiklanan efektif, pemilihan tempat strategic dalam pemasangan iklan juga berperanan besar dalam menaikkan sesebuah perniagaan. Antara tempat yang menjadi pilihan syarikat perniagaan dan penyedia perkhidmatan pada hari ini adalah masjid-masjid. Mereka menyewa dinding-dindingnya untuk menggantungkan produk dan khidmat yang mereka sediakan. Kertas kerja ini bertujuan melihat sejauhmanakah keharusan bagi pentadbir masjid menyiapkan dinding-dinding masjid untuk disewa sebagai tempat pengiklanan syarikat komersial. Penulis akan mengumpulkan pendapat dari empat mazhab fikh utama dalam keharusan mengambil keuntungan dari harta wakaf dan kemudian membincangkan pendapat-pendapat ini bersama dalil-dalilnya sebelum membuat

Abstract:

Advertising has enormous power in determining the success of a company. Effective advertising can attract consumers to a certain product. Good ads are ads that are accessible to most societies and easily viewed. In addition to the use of technology and media in achieving effective advertising, strategic site selection in advertising is also a big part of building a business. Among the places most targeted by business and service providers today are the mosques. They rent the walls of mosques to incite the products and services they provide. This paper seeks to see the extent of the need for the mosque administrators to prepare the walls of the mosque to be rented to a commercial advertising company. The writer will collect opinions from the four major school of thoughts in the need to take advantage of the donated property and then discuss these opinions with close references before making a choice of opinion which is closest to the purpose of building a mosque. The results of this study found that renting a mosque wall in a iktikaf area for commercial advertising is not permitted as it goes against the purpose of building a mosque and there is a prohibited sale and purchase within the area, while renting a wall other than those in the iktikaf area is allowed provided that the rent is used for the benefit of mosques and

<p><i>pilihan pendapat manakah yang hampir dengan tujuan pembinaan masjid. Hasil dari kajian ini mendapati bahawa, menyewa dinding masjid dalam ruangan iktikaf untuk iklan komersial tidak dibenarkan kerana bertentangan dengan tujuan pembinaan masjid dan terdapat larangan berjual beli di dalamnya, sedangkan menyewa dinding selain yang berada di ruang iktikaf dibenarkan dengan syarat hasil sewaan tersebut digunakan untuk kepentingan masjid dan iklan itu tidak mencacatkan memburukkan penampilan dan kecantikan masjid.</i></p> <p>Kata kunci: Masjid, menyewa harta wakaf, pengiklanan.</p>	<p><i>advertisements do not defame the appearance and beauty of the mosque.</i></p> <p>Keywords: Mosque, lease of waqf property, advertising.</p>
---	--

PENDAHULUAN

Peningkatan kos sara hidup khususnya di bandar telah menyebabkan perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan masjid semakin bertambah. Masjid-masjid tidak lagi boleh bersandar kepada kutipan tabung dan infaq masyarakat untuk terus bertahan terutama apabila ia berada di negara minoriti muslim. Pihak pengurusan masjid harus mengorak langkah bagi mencari pendapatan untuk menampung kos pengurusan masjid. Antara langkah yang di ambil bagi tujuan ini adalah menyewakan ruangan dinding masjid bagi tujuan iklan komersial. Artikel ini akan mengupas isu ini menurut pandangan ulama mazhab yang empat di samping mengambil kira *maqasid syariah* dalam penentuan keputusannya.

PENGERTIAN MASJID

Dari Sudut Bahasa

Kata masjid di ambil daripada perkataan “sujud”, ia adalah meletakkan dahi di atas bumi. Kata ini juga digunakan untuk tempat sujud sama ada tempat itu hanyalah bumi semata-mata atau bangunan yang di gunakan untuk bersujud di dalamnya. Masjid juga merujuk kepada anggota-anggota sujud iaitu, dahi, hidung, kedua telapak tangan, kedua lutut dan jari-jari kaki. Menurut Az Zajjaj: masjid adalah setiap tempat yang di gunakan untuk beribadah (ibnu Manzur: 1999; Al Zubaidi: 1994).

Dari Sudut Istilah Syarak

Imam Al Qurthubi menyebutkan bahawa masjid adalah: “Sebuah kawasan yang ditentukan sebagai tempat sembahyang dengan perkataan, dan kawasan itu telah dikeluarkan dari hak milik sesiapa sehingga ia menjadi kepunyaan kaum muslimin keseluruhannya” (Al Qurthubi: 2006). Dr. Ibrahim bin Salih mendefinisikan masjid

sebagai: "Bangunan yang telah diwakafkan dan dikhurusukan untuk sembahyang Jemaah lima waktu dan lainnya" (Al Khudairi: 2001).

Dari kedua-dua pengertian di atas dapat di lihat bahawa Imam Al Qurthubi tidak mensyaraktn masjid itu mestilah dalam bentuk bangunan, bahkan sebuah kawasan yang ditentukan juga boleh menjadi masjid. Dr Ibrahim pula mensyaraktn masjid itu mestilah dalam bentuk bangunan, kerana pada zaman sekarang sebuah kawasan itu tidak dapat dimanfaatkan sebagai tempat beribadat kecuali ia mampu melindungi manusia dari panas dan sejuk. Namun kedua-dua definisi masjid mensyaraktn masjid tersebut mestilah tidak dimiliki oleh sesiapa walaupun kerajaan yang memerintah, dalam erti kata lain ianya mestilah diwakafkan. Firman Allah Taala:

﴿وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلّٰهِ﴾

Maksudnya: "*Dan sesungguhnya masjid itu hanyalah untuk Allah*"

(Al Quran. Al Jinn: 18).

Ayat ini juga menunjukkan bahawa tujuan dari pembinaan masjid adalah agar ia menjadi tempat yang kondusif bagi seseorang hamba merapatkan dirinya dengan Allah Taala serta sebagai tempat perkumpulan kaum muslim untuk mengingati Allah Taala dan mempelajari ilmu agama (As Syarakwi: Tt).

MENYEWAKAN DINDING MASJID BAGI PENGKIKLANAN KOMERSIAL

Terkandung dalam masalah ini dua perbahasan utama. Pertama: menyewakan harta wakaf umum. Kedua: menjadikan masjid sebagai tempat iklan perniagaan atau perkhidmatan berbayar.

Menyewakan Harta Wakaf Umum

Terkadang sesebuah perkara diwakafkan (*mawquf*) agar dimanfaatkan zatnya atau diperolehi manfaat dari hasilnya yang digelar dengan wakaf *istighlal* (استغلال). Masjid adalah dari harta wakaf umum yang bertujuan untuk diambil manfaat dari zatnya. Para fuqaha telah memberikan tiga gambaran bagi permasalahan menyewa masjid.

Gambaran Pertama

Seseorang menyempitkan masjid sebahagiannya atau keseluruhannya dengan barang-barang yang dibawa olehnya sehingga masjid itu tidak dapat menjalankan peranannya sebagai rumah ibadah, seperti seseorang meletakkan barangnya di hadapan pintu masjid sehingga ia tidak dapat dimasuki.

Pada keadaan seperti ini beliau dikehendaki membayar sewa mengikut kadar bahagian masjid yang tidak dapat digunakan oleh orang awam (Al Zarkasyi: 1999). Termasuk dalam situasi pertama ini apabila sebuah majlis akad nikah yang dijalankan di dalamnya menghalang orang awam dari beribadah di dalamnya dan merosakkan tujuan asal (maqasid) pembinaan masjid.

Gambaran Kedua

Tujuan dari pembinaan masjid tersebut ialah mengambil bayaran dari orang yang hendak beribadat di dalamnya. Para fuqaha telah memakruhkan dan sebahagian pula menyatakan larangan membina masjid dengan tujuan mengaut keuntungan dari orang ramai dengan mengenakan bayaran sewa, apabila mereka hendak menggunakan masjid itu untuk bersembahyang, beriktitaf dan ibadah-ibadah yang lain (ibnu Abidin: 2003).

Larangan ini diserupakan dengan larangan menjadikan masjid sebagai barang jualan. Menjual masjid merangkumi menjual zatnya, manakala menjual manfaatnya bermaksud menyewakannya. Tambahan dari itu, menjadikan zat masjid sebagai alat perniagaan, menyalahi tujuan pembinaan masjid dan menyalahi suruhan memuliakan dan menganggungkan rumah Allah Taala.

Gambaran Ketiga

Menyewakan sebahagian daripada masjid yang tidak digunakan oleh kaum muslimin untuk kepentingan dan kemaslahatan masjid itu sendiri, seperti mencari dana untuk penyelenggaraan masjid dan sebagainya. Para fuqaha mempunyai dua pendapat dalam masalah ini;

Pendapat Pertama

Tidak boleh menyewakan mana-mana bahagian dari masjid walaupun kawasan yang tidak digunakan. Pendapat ini berdalil dengan:

- 1- Firman Allah Taala:

﴿إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَيَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ الَّذِي جَعَلْنَا لِلنَّاسِ سَوَاءً الْعَاكِفُ فِيهِ وَالْبَادِ﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang kafir dan menghalangi manusia dari jalan Allah dan masjidil Haram yang telah Kami jadikan untuk semua manusia baik yang bermukim disitu atau di padang pasir . . ." (Al Quran. Al Hajj: 25).

Ayat ini menunjukkan bahawa tidak ada sesiapa yang boleh mempunyai hak yang eksklusif dalam masjid kerana Allah Taala telah menjadikan semua kaum muslimin mempunyai hak yang sama rata dalam masjid. Menyewa mana-mana bahagian masjid melanggar ketentuan Allah ini (Ilyas: Tt).

- 2- Mengikuti kehendak pewakaf adalah wajib. Maka apa yang telah disyaratkan oleh pewakaf adalah sama seperti apa yang dinaskan oleh syarak'. Apabila seseorang telah mewakafkan bahagian tertentu itu sebagai masjid, maka tidak ada sesiapa mempunyai hak untuk mengubah apa yang dikehendaki oleh pewakaf itu (Al Balkhi: 1986; ibnu Mufligh 1997).
- 3- Masjid itu mempunyai kehormatan dan kesucian dan membolehkan mana-mana bahagian masjid untuk disewa adalah bertentangan dengan suruhan menghormatinya (Al Mahisy: 1433H).

Pendapat Kedua

Harus menyewakan harta wakaf termasuk masjid selagi mana ia tidak merubah tujuan asal dari pembinaan masjid iaitu mengingati Allah Taala. Mereka berhujah:

- 1- Harus merubah syarat pewakaf kepada yang lebih bermanfaat bagi kaum muslimin. Dengan ini harus dimanfaatkan bahagian atau kawasan masjid yang tidak digunakan dengan menyewakannya kemudian hasil sewaan itu dijadikan dana untuk mengurus masjid. Ini lebih mendatangkan maslahat untuk masjid daripada meninggalkan kawasan atau bahagian itu begitu sahaja (Al Musili: Tt, Al Mardawi: 1997; Al Bahuti: 2000).
- 2- Para fuqaha telah menyatakan keharusan merobohkan masjid bagi membina masjid yang lebih baik, mengecilkan masjid besar bagi tujuan peluasan jalan umum, menjual masjid yang tidak digunakan lagi atau yang dikhuatirkan akan roboh begitu juga menjual sebahagian masjid untuk memperbaiki bahagiannya yang lain (ibnu Abidin: 2003, Al Nawawi: Tt, Al Mardawi: 1997; ibnu Qudamah: 2004)). Jika menjual dan menghancurkan zat masjid itu diperbolehkan kerana kemaslahatan, maka menjual manfaatnya melalui penyewaan sambil memelihara zatnya adalah lebih patut diperbolehkan, terutama apabila hasil sewaan itu dipergunakan bagi kemaslahatan masjid.

Pendapat Pilihan

Kesimpulan dari perbahasan di atas memperlihatkan bahawa pendapat kedua lebih menjaga kemaslahatan kaum muslimin dan masjid itu sendiri, terutama ketika terdapat bahagian masjid yang tidak digunakan sama sekali. Penyewaan ini diperbolehkan selagi mana ia tidak melumpuhkan fungsi utama masjid atau mengganggu jemaah dari mengingati Allah Taala. Pendapat pertama lebih sesuai jika manfaat penyewaan tersebut menyebabkan terhalangnya aktiviti-aktiviti beribadah dan merubah masjid menjadi seakan-akan tempat yang lain.

Meletakkan Iklan Komersial Dalam Masjid

Iklan perniagaan adalah muqaddimah atau pendahuluan dari perniagaan dan sesebuah jual beli. Rasulallah s.a.w dengan jelas telah melarang jual beli di dalam masjid. Amru bin Syuaib meriwayatkan dari bapanya dari datuknya bahawa:

{أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَىٰ عَنِ التَّحْلِقِ يَوْمَ الْجَمْعَةِ قَبْلَ الصَّلَاةِ وَعَنِ الشَّرَاءِ وَالْبَيْعِ فِي الْمَسْجِدِ}

Maksudnya: "Bahawa Nabi s.a.w melarang duduk berhalaqah (berlingkaran) sebelum sembahyang Jumaat dan berjual beli di dalam masjid"

(Hadis. An Nasai. Bab An Nahyu anil Bai' was Syira fil masjid. 713).

Apabila syarak melarang sesuatu maka pendahuluannya juga akan turut dilarang. Firman Allah Taala:

﴿وَلَا تَقْرُبُوا الزِّنَاءِ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا﴾

Maksudnya: "Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya ia adalah satu perbuatan yang keji dan jalan yang buruk". (Al Quran. Al Isra: 32).

Dalam ayat ini Allah Taala melarang menghampiri permulaan zina dan pekara yang boleh membawa kepadanya seperti memandang yang haram, berkhawat antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan sebagainya.

Nabi s.a.w juga bersabda:

{الحلال بين، والحرام بين، وبينهما أمور مشتبهات لا يعلمها كثيرون من الناس، فمن اتقى الشبهات فقد استرأ الدين وعرضه، ومن وقع في الشبهات وقع في الحرام كالراعي يرعى حول الحمى يوشك أن يرتع فيه}

Maksudnya: "Sesungguhnya pekara yang halal itu jelas, dan sesungguhnya pekara yang haram itu juga jelas, dan di antara kedua pekara tersebut ada pekara-pekara yang syubhat (kesamaran) kebanyakannya orang tidak mengetahuinya. Barangsiapa menjauhkan dirinya dari pekara syubhat, maka dia telah menjaga agamanya dan maruah dirinya, dan barangsiapa jatuh dalam pekara syubhat ia akan terjatuh dalam pekara haram, umpama seorang pengembala yang mengembala di sekeliling kawasan larangan diimbangi dia akan menceroboh masuk ke dalamnya"

(Hadis. Muslim. Bab: Al Akhzu bil Halal wat Tarku As Syubhat. 1599).

Hadis ini menunjukkan bahawa sesiapa mendekati pekara yang haram, dikhawatir dia akan melakukan perkara tersebut suatu masa nanti. Oleh itu perkara-perkara yang boleh menarik kepada larangan Allah Taala hendaklah dijauhkan.

Namun para fuqaha berselisih pendapat siapakah yang termasuk di dalam larangan berjual beli di dalam masjid:

Pendapat Pertama

Larangan ini ditujukan kepada semua orang yang memasuki masjid tanpa mengira dia sedang berikrar atau tidak atau hanya melintasi masjid (Al Mawardi: 1994; Al Ruyani: 2002). Hadis yang melarang berjual beli di dalam masjid dikuatkan lagi dengan sebuah hadis dari Nabi s.a.w yang mana Baginda mengajar ummatnya agar mendoakan kerugian ke atas jual beli yang berlaku di dalam masjid. Imam Al Termizi mengeluarkan sebuah hadis, yang mana Baginda bersabda di dalamnya:

{إذا رأيت من بيع ويتابع في المسجد فقولوا لا أربح الله تجارتكم}

Bermaksud: "Jika kamu melihat sesiapa yang berjual beli di dalam masjid maka katakanlah: semoga Allah tidak menjadikan keuntungan di dalam perniagaan kamu"

(Hadis. Al Termizi. Bab: Al Nahyu anil Bai' was Syirai fil Masjid. 1336).

Pendapat Kedua

pengharaman berjual beli dalam masjid melibatkan mereka yang tidak berikrar di dalamnya. Sedangkan orang yang sedang berikrar di haruskan berjual dan membeli barang keperluannya sahaja seperti makanan dan minuman tetapi tidak boleh berlebih-lebihan. Hukum ini berdasarkan keringanan (*rukhsah*) yang diberikan kepada orang yang berikrar untuk memenuhi hajatnya (Al Qarafi: 1994, Al Juwaini: 2007; ibnu Qudamah: 2004).


Pendapat Ketiga

Berjual beli di masjid adalah harus selagimana barang jualan itu tidak ada dalam masjid. Pendapat ini berhujah dengan mengatakan bahawa perbincangan mengenai jual beli adalah termasuk percakapan yang harus dan ia dibolehkan di dalam masjid (Al Aini: 1980; Al Muzani: 1983). Berkata Imam Al Nawawi: "Di haruskan untuk berbual dengan perbualan yang harus di masjid begitu juga perbualan mengenai urusan dunia dan selainnya dari percakapan yang diharuskan" (Al Nawawi: Tt).

Hanya perniagaan dalam masjid itu menjadi haram apabila barang jualan itu dibawa ke dalam masjid sehingga ia kelihatan seperti kedai dan menarik perhatian manusia yang sedang beribadat di dalamnya. Ketika itu jual beli tersebut telah bercanggah dengan tujuan pembinaan masjid iaitu mengingati Allah Taala dan beribadat kepadaNya.

Pendapat Pilihan

Larangan berjual beli di dalam masjid bersifat mutlak, ia tidak membezakan sesebuah keadaan dari keadaan yang lain. Larangan ini bertujuan agar ketenangan suasana masjid sentiasa terjaga dari pekara-pekara yang dapat menghilangkan tumpuan di dalam beribadah. Oleh itu pendapat yang tidak membolehkan berjual beli di dalam masjid pada setiap keadaan adalah lebih tepat kerana ia lebih memelihara tujuan pembinaan masjid seperti yang terkandung dalam firman Allah Taala:



Maksudnya: "Dan sesungguhnya masjid itu hanyalah untuk Allah".

(Al Quran. Al Jinn: 18)

Pemilihan pendapat yang melarang berjual beli di dalam masjid membawa kepada larangan meletakkan iklan komersial pada dinding-dinding ruangan iktikaf. Ini kerana iklan adalah pendahuluan kepada jual beli, maka ia mengikuti hukum jual beli tersebut sepetimana yang tersebut dalam kaedah fikh (التابع تابع) iaitu: "yang mengikuti mengikut hukum yang di ikut" (Al Sayuthi: 1429H).

Menyewa Dinding Luar Masjid

Dinding masjid sama ada dinding dalamannya atau luarannya mempunyai kehormatan yang sama (Al Nawawi: Tt). Maka sebagaimana tidak diperbolehkan buang air kecil atau menconteng dinding dalamannya begitu juga dengan dinding luarannya. Oleh yang demikian menggantungkan iklan perniagaan pada dinding luar masjid adalah tidak diperbolehkan. Walaupun menggantungkan iklan di dinding luar masjid tidak mengganggu orang yang berada di dalamnya, hanya sahaja ia mencacatkan dan mengurangkan kehormatan masjid itu sebagai tempat mengingati Allah Taala dan sebagai bangunan yang dikhuruskan untukNya.

Meletakkan Iklan di Persekutaran Masjid

Bangunan yang bersambungan dengan masjid dan yang tidak dikhaskan untuk menunaikan sembahyang berjamaah seperti dewan seminar, bilik darjah, pejabat pentadbiran, pagar luar dan sebagainya, tidak dikira sebahagian dari masjid. Dengan itu bangunan atau bahagian ini tidak memiliki kehormatan masjid, maka diharuskan untuk meletakkan iklan perniagaan padanya dengan beberapa syarakt (Adib: 2016):

- 1- Hendaklah hasil dari sewaan itu digunakan untuk maslahat dan keperluan masjid. Bukan untuk kegunaan perseorangan seperti imam, ahli lembaga pentadbir masjid dan seumpamanya.
- 2- Tidaklah diletakkan iklan perniagaan itu secara berlebihan sehingga menjadikan pemandangan masjid kurang elok seakan ia adalah pusat perniagaan. Begitu juga saiz poster atau kain rentang itu tidak terlalu besar.
- 3- Tidak diiklankan pekara yang dilarang oleh syarak' sama ada pada produknya seperti bahan yang tidak halal atau bagaimana iklan itu dipersembahkan seakan ia memaparkan gambar seorang wanita yang tidak bertudung atau seumpamanya.

PENUTUP

Masjid itu dibina dengan tujuan mengingati Allah Taala. Walaupun meletakkan iklan di ruang iktikaf itu lebih menarik perhatian bersebab lokasinya yang menjadi tumpuan setiap jemaah yang memasuki masjid, namun pekara itu adalah di larang sama sekali. Perkara demikian dapat mencemarkan kehormatan masjid di samping mengganggu tumpuan mereka yang beribadat. Terlebih-lebih lagi apabila terdapat sebuah larangan daripada Nabi s.a.w dalam berjualan di masjid. Manakala menyewakan runag untuk beriklan di selain dinding masjid adalah diharuskan dengan syarakt hasilnya digunakan untuk maslahat masjid dan ia tidak melanggar larangan syarak serta tidak mencacatkan kecantikan masjid itu sendiri.

RUJUKAN

- Al Quran Al Karim.
- Abu Daud, Sulaiman. Tt. *Sunan Abu Daud*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Al Aini, Mahmud bin Ahmad. 1980. *Al Binayah Syarh Al Hidayah*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.
- Al Bahuti, Mansur bin Yunus. 2000. *Syarakh Muntahal Iradat*. Beirut: Muassasah Ar Risalah.
- Al Balkhi, Nizamuddin. 1986. *Al Fatawa Al Hindiyah*. Beirut: Dar Ihya Turath Al Arabi.
- Al Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1987. *Sahih Bukhari*. Kaherah: Dar Ar Rayyan lit Turath.

- Al Jafari, Syed Muhammad Adib. 2016. *Taysyid wa Imarah Ghairil Muslimin Al Masajid: Masjid Sanghfura Anmuzajan Dirasah Fikhiyah Muqaranah*. (PhD thesis Universiti Sains Islam Malaysia)
- Al Juwaini, Abdul Malik bin Abdullah. 2007. *Nihayatul Mathlab fi Dirayat Al Mazhab*. Jeddah. Dar Al Minhaj.
- Al Khudhairi, Ibrahim bin Salih. 2001. *Ahkamul Masjid fi As Syariatil Islamiyah*. Riyadh: Darul Fadhilah.
- Al Mahiys, Muaz bin Abdullah. 1433H. *Al Muamat Al Malyah fil Masjid wa Shuwaruha Al Mua'sarah*. Saudi. Qassim University.
- Al Mardawi, Ali bin Sulaiman. 1997. *Al Insafi Ma'rifati Ar Rajhi minal Khilaf*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.
- Al Mawardi, Ali bin Muhammad. 1994. *Al Hawi Al Kabir fi Fikhi Mazhab Imam As Syafi'*. Beirtu: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.
- Al Musili, Abdullah bin Mahmud. Tt. *Al Ikhtiyar lit Ta'lil Mukhtar*. Beirut Dar Al Kutub Al Ilmiyah.
- Al Muzani, Ismail bin Yahya. 1983. *Mukhtasar Al Muzani*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Al Nasai, Ahmad bin Syuaib Al Kharasani. 2010. *Sunan An Nasai*. Kaherah: Dar Al Hadis.
- Al Nawawi, Yahya bin Syarakf. Tt. *Al Majmu Syarakh Al Muhazzab*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Al Qarafi, Ahmad bin Idris. 1994. *Az Zakhira*. Beirut: Dar Al Ghurb Al Islami.
- Al Qurthubi, Muhammad bin Ansar. 2006. *Al Jami' li Ahkam Al Quran*. Mansurah: Maktabatul Iman.
- Al Ruyani, Abdul Wahid bin Ismail. 2002. *Bahrul Mazhab fi Furu' Mazhab Imam As Syafi'*. Beirut: Dar Ihya Turath Al Arabi.
- Al Sayuthi, Abdur Rahman bin Abi Bakar. 1429H. *Al Aysbah wan Nazhahir*. Surabaya: Pencetakan Al Haramain.
- Al Syarakwi, Muhammad Al Mutawalli. Tt. *Tafsir As Syarakwi*. Kaherah: Akhbar Al Yaum.
- Al Termizi, Muhammad bin Isa. 1983. *Sunan At Termizi*. Beirut: Dar Al Fikr
- Al Zarkasyi, Muhammad bin Abdullah. 1999. *Ilamus Sajid bi Ahkamil Masajid*. Kaherah: Wizaratul Awqaf Al Misriyah.
- Al Zubaidi, Muhammad Murthada. 2012. *Tajul A'rus min Jawharil Kamus*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.

Ibnu Abidin, Muhammad Amin. 2003. *Raddul Mukhtar ala Durril Mukhtar Syarh Tanwirul Absar*. Beirtu: Daru Kutub Islamiyah.

Ibnu Manzur. 1999. *Lisanul Arab*. Beirut: Dar Ihya' Turath Al Arabi.

Ibnu Muflih, Ibrahim bin Muhammad. 1998. *Al Mubdi' Syarh Al Muqni'*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.

Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad. 2004. *Al Mughni*. Kaherah: Dar Al Hadis.

Ilyas, Khairuddin bin Tajuddin. Tt. *Qurratu Aini Abid bi Hukmi Farsyi Sajajid fil Masjid*. Madinah: Tanpa pencetak.

Muslim bin Hajjaj An Naisaburi. 1998. *Sahih Muslim*. Saudi: Dar Al Mughni.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.